

KHUTBAH JUMAAT
“MEMAKMURKAN MASJID”
(24 Jun 2022M/ 24 Zulkaedah 1443H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan bersungguh-sungguh melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita dikurniakan kejayaan yang hakiki di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk **“Memakmurkan Masjid”**.

Jemaah yang dirahmati Allah,

Masjid dan surau adalah tempat yang suci dan mulia di sisi agama Islam. Ia adalah tempat untuk kita beribadah menunaikan solat-solat fardhu secara berjemaah dan juga ibadah-ibadah sunat yang lain seperti solat nawafil, membaca al-quran, berzikir dan mendengar kuliah-kuliah serta pengajian agama. Bahkan fungsi masjid yang sebenar adalah lebih luas lagi sebagai pusat komuniti, perpaduan dan pembangunan ummah itu sendiri.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kebanyakan masjid dan surau di Sarawak ini dibina dengan indah, kondusif, bahkan ada yang dilengkapi dengan teknologi-teknologi terkini. Begitu juga para Jemaah disajikan dengan pelbagai kuliah dan pengajian untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan penghayatan terhadap ajaran Islam.

Sesungguhnya, perjalanan terjauh dan terhebat bagi seorang lelaki adalah perjalanan ke masjid. Ini kerana jarak jauhnya kita dengan masjid tidak diukur dengan langkah kaki tetapi diukur dengan hati. Sejauh manapun masjid dan surau pasti akan dapat dijangkau sekiranya hati sudah terpaut. Namun, jika hati semakin jauh daripada masjid, sedekat manapun jaraknya, terasa berat dan susah untuk melangkah dan mendaki anak-anak tangganya, walaupun kita disuruh untuk memakmurkan rumah-rumah Allah sebagai bukti keimanan kita. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Taubah, ayat 18 :

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى
الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

Maksudnya: *Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah -orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.*

Menghadirkan diri ke masjid untuk menunaikan ibadah solat fardhu secara berjemaah pada awal waktu adalah merupakan tanggungjawab seorang muslim. Ini dijelaskan dalam banyak hadis Nabi *sallallahu alaihi wasallam* yang memerintahkan supaya menunaikan solat fardhu secara berjemaah di masjid, bahkan orang yang hatinya sentiasa terpaut dengan masjid akan mendapat naungan Arasy Allah *subhanahu wata'ala* pada hari akhirat kelak. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda :

((... وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ ...))

Maksudnya: *Lelaki yang hatinya terpaut dengan masjid*

(*Hadis riwayat Imam al-Bukhari*)

Dalam hadis lain yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah *radiallahu anhu*, baginda *sallallahu alaihi wasallam* bersabda :

((مَنْ تَطَهَّرَ فِي بَيْتِهِ ثُمَّ مَشَى إِلَى بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ لِيَقْضِيَ فَرِيضَةً مِنْ فَرَائِضِ اللَّهِ كَانَتْ خَطْوَاتُهُ إِحْدَاهُمَا تَحُطُّ خَطِيئَةً وَالْأُخْرَى تَرْفَعُ دَرَجَةً))

Maksudnya: *Sesiapa yang bersuci di rumahnya kemudian berjalan menuju ke salah satu daripada rumah-rumah Allah (masjid) untuk menunaikan solat yang telah difardhukan oleh Allah, maka kedua-*

dua langkah kakinya itu, salah satunya menghapuskan dosa dan yang lain mengangkat darjat.

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sesungguhnya, banyak kelebihan beribadah di masjid dan di surau berbanding dengan beribadah di rumah. Hati kita akan merasa lebih tenang ketika berada di masjid dan jiwa akan merasa lebih kuat untuk melakukan ibadah. Apabila berada di dalam masjid, kita merasa lebih rajin untuk melakukan ibadah-ibadah sunat berbanding di rumah. Contohnya mendirikan solat-solat sunat qabliyah dan ba'diyah, membaca al-quran dan berzikir memuji Allah Yang Maha Esa. Apatah lagi kita boleh menunaikan ibadah iktikaf iaitu ibadah yang hanya boleh dilakukan di dalam masjid.

Betapa pentingnya menunaikan solat fardhu secara berjemaah di masjid sehingga Baginda *sallallahu alaihi wasallam* memberi amaran yang keras kepada mereka yang tidak menunaikan tanggungjawab ini sebagaimana disebut dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Nabi *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((لَقَدْ هَمَمْتُ أَنْ أَمُرَ بِالصَّلَاةِ فَتُقَامَ ثُمَّ أُخَالِفَ إِلَى مَنَازِلِ قَوْمٍ لَا يَشْهَدُونَ الصَّلَاةَ فَأُحَرِّقَ عَلَيْهِمْ))

Maksudnya : *Sesungguhnya aku bertekad supaya solat didirikan. Kemudian aku akan pergi ke setiap rumah seseorang yang tidak*

hadir solat berjemaah, lalu akan aku perintahkan agar dibakar (rumah) mereka.

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Kaum muslimin yang berbahagia,

Oleh itu marilah kita sama-sama berazam dan berusaha untuk menghadirkan diri ke masjid, mendaki anak-anak tangganya supaya kita sama-sama dapat merasai ketenangan serta kenikmatan ketika berada di dalamnya.

Berusahalah untuk mendirikan solat di belakang imam sebelum kita disolatkan di hadapan imam. Janganlah menunggu waktu tua untuk mendaki anak-anak tangga masjid kerana tiada siapa yang boleh menjamin bahawa kita akan pasti dapat mencapai usia tua dalam keadaan sihat dan bertenaga.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah sama-sama kita hayati beberapa rumusan dari khutbah ini untuk dijadikan pengajaran dan panduan dalam hidup ini. Antaranya:

Pertama: Umat Islam hendaklah meyakini bahawa semua perintah Allah hendaklah dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan ikhlas.

Kedua: Umat Islam wajib meyakini bahawa solat berjemaah di masjid merupakan salah satu tuntutan yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala*.

Ketiga: Umat Islam hendaklah berlumba-lumba untuk meraih pahala dan menghapuskan dosa antaranya dengan menghadirkan diri ke masjid untuk solat berjemaah.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah Aali Imran, ayat 133:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

❖ وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ

لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾

Maksudnya: *Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertaqwa;*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Perlu diingatkan bahawa kita masih lagi berhadapan dengan wabak COVID-19. Walaupun pelbagai kelonggaran telah diberikan, mimbar terus menyeru agar kita terus berwaspada dan melakukan kawalan sendiri dengan sebaik-baiknya serta mematuhi garis panduan, saranan, galakan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) Norma Baharu pencegahan penularan wabak COVID-19 yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa bagi mengelakkan terdedah kepada bahaya wabak penyakit kerana mencegah itu lebih baik daripada mengubati. Pada masa yang sama, teruskanlah memohon keampunan serta bermunajat kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar diangkat segala wabak dan musibah daripada kita dan dikurniakan keselamatan dan kesejahteraan buat diri, keluarga, masyarakat, negeri dan negara.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah ! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan Allah *subhanahu wata'ala*.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Jadikanlah diri kami, isteri-isteri kami dan keturunan kami dari kalangan yang mendirikan solat serta menjauhi dosa-dosa kecil apatah lagi dosa-dosa yang besar. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19.

اللَّهُمَّ اشْفِنَا وَاشْفِ مَرَضَانَا وَمَرْضَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ طَهُورًا
لَهُمْ، وَارْفَعْ مَنْزِلَتَهُمْ، وَأَبْدِلْهُمْ مِنْ بَعْدِ الْمَرَضِ صِحَّةً، وَمِنْ بَعْدِ
الْبَلَاءِ عَافِيَةً.

اللَّهُمَّ ارْحَمْ مَوْتَانَا وَمَوْتَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَاَرْحَمْهُمْ،
وَعَافِهِمْ وَاغْفُ عَنْهُمْ. رَبَّنَا أَتْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.